



# DOKUMEN SEBUT HARGA ZON A2

**TAJUK : TAWARAN SEBUT HARGA KONTRAK PERKHIDMATAN  
PEMBERSIHAN KAWASAN  
(PEMOTONGAN RUMPUT DAN KUTIPAN LONGGOKAN  
SISA KEBUN/SISA PUKAL)**

FAIL SEBUT HARGA : MPTI/150/183 JLD 2  
NO. RUJ. SEBUT HARGA : MPTI/P/23/2024-JPP/P  
TARIKH IKLAN : 19/04/2024  
TARIKH JUAL DOKUMEN : 19/04/2024 HINGGA 30/04/2024 JAM  
12.00 TENGAH HARI  
  
TARIKH TUTUP : 30/04/2024  
MASA : 12.00 TENGAH HARI  
BAYARAN PEMROSESAN : RM50.00  
DOKUMEN



## SENARAI KANDUNGAN

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1.</b>	<b>IKLAN TAWARAN</b>	<b>3 – 5</b>
<b>2.</b>	<b>DOKUMEN SEBUT HARGA</b>	
2.1	Spesifikasi Kerja	6-17
2.2	Kawasan Kontrak	18-19
2.3	Borang Tawaran	20
2.3.1	Lampiran A	21
2.3.2	Lampiran B	22
2.3.3	Lampiran C	23-24
2.3.4	Lampiran D	25
2.3.5	Lampiran E	26
2.3.6	Lampiran F	27
2.3.7	Lampiran G	28
<b>3.</b>	<b>SURAT AKUAN PEMBIDA</b>	<b>29</b>



MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN  
JALAN SPEEDY  
36000 TELUK INTAN  
PERAK DARUL RIDZUAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod **221002** dan **221003** bertaraf bumiputera/bukan bumiputera **beralamat dalam negeri Perak sahaja** yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, keupayaan kewangan, jentera dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

BIL	KONTRAK PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PEMUNGUTAN DAN PENGANGKUTAN SISA PEPEJAL MULAI 01 JULAI 2024 HINGGA 30 JUN 2029  Kod Bidang : 221003	RUJUKAN TENDER
1	<b>ZON TELUK INTAN</b> - <b>Lori Kompaktor : 10 Unit</b>  Kawasan Jalan Changkat Jong bermula dari lampu isyarat Toyota hingga ke Batu 4, Jalan Sg. Manik hingga ke Taman Bestari, Jalan Manggis, Jalan Merbok, Jalan Setor Kastam, Taman Berlian, RPA Padang Tembak, Pekan Baru, Taman Intan Mas, Hotel Grand Court, Taman Seri Emas, Industri Anson, Taman Intan Mutiara, Desa Bakti, Taman Banjar Jaya, Bandar Baru Lagenda Taman Maharajalela, Taman Karentina, Taman Desa Aman dan sekitarnya.	MPTI/P/19/2024-JPP/SP
2	<b>ZON LANGKAP</b> - <b>Lori Kompaktor : 3 Unit</b>  Kawasan Langkap, Pekan Chenderong Balai, Kg. Pelawan, Kg. Chui Chak, Kg. Batu 12, Taman Orkid Batu 12 dan sekitarnya.	MPTI/P/20/2024-JPP/SP
3	<b>ZON BAGAN DATUK</b> - <b>Lori Kompaktor : 3 Unit</b>  Kawasan Taman Semesti Selesa, Kg. Jenderata, Simpang Empat, Hutan Melintang, Taman Sri Bernam, Jalan Tepi Sungai, Taman Cenderawasih, SMK Hutan Melintang, Taman Indusri Kancil, Pekan Batu 20, Taman Sg. Sumun, Pekan Bagan Datuk dan sekitarnya.	MPTI/P/21/2024-JPP/SP



BIL	KONTRAK PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KAWASAN (PEMOTONGAN RUMPUT DAN KUTIPAN LONGGOKAN SISA KEBUN / SISA PUKAL) MULAI 01 JULAI 2024 HINGGA 30 JUN 2029  Kod Bidang : 221002	RUJUKAN TENDER
1	<b>ZON A1</b> - <b>Lori Terbuka : 2 Unit</b> Kawasan Perumahan Dan Perniagaan Sekitar Jalan Sg. Nibong, Jalan Woo Saik Hong, Jalan Pasir Bedamar dan sekitarnya.	MPTI/P/22/2024-JPP/P
2	<b>ZON A2</b> - <b>Lori Terbuka : 2 Unit</b> Kawasan Jalan Maharajalela, Jalan Sultan Abdullah dan sekitar Kg Bahagia.	MPTI/P/23/2024-JPP/P
3	<b>ZON B</b> - <b>Lori Terbuka : 2 Unit</b> Kawasan Perumahan Dan Perniagaan Sekitar Jalan Sultan Abdullah, Jalan Padang Tembak, Jalan Kg Banjar Dan Jalan Sultan Abdullah	MPTI/P/24/2024-JPP/P
4	<b>ZON C</b> - <b>Lori Terbuka : 2 Unit</b> Kawasan Perumahan Dan Perniagaan Sekitar Batak Rabbit Dan Jalan Maharajalela	MPTI/P/25/2024-JPP/P
5	<b>ZON D</b> - <b>Lori Terbuka : 2 Unit</b> Kawasan Perumahan Dan Perniagaan Sekitar Simpang Empat Dan Hutan Melintang	MPTI/P/26/2024-JPP/P
6	<b>ZON E</b> - <b>Lori Terbuka : 2 Unit</b> Kawasan Perumahan Dan Perniagaan Sekitar Jalan Bagan Datuk Hingga Pekan Bagan Datuk	MPTI/P/27/2024-JPP/P
7	<b>ZON F</b> - <b>Lori Terbuka : 2 Unit</b> Kawasan Perumahan Dan Perniagaan Sekitar Langkap, Chenderong Balai Dan Jalan Changkat Jong	MPTI/P/28/2024-JPP/P

- Senarai penuh kawasan kerja seperti di dalam Lampiran Borang Sebut Harga



Dokumen tender boleh dimuat turun melalui laman sesawang Majlis Perbandaran Teluk Intan ([www.mpti.gov.my](http://www.mpti.gov.my)) mulai jam 9.00 pagi pada 19/04/2024 hingga 30/04/2024. Tarikh akhir muat turun borang adalah pada 30/04/2024 jam 12.00 tengah hari. Prosedur pembelian borang tender adalah tertakluk seperti berikut :

- 2.1 Borang tender boleh dimuat turun dari portal Majlis : [www.mpti.gov.my](http://www.mpti.gov.my)
- 2.2 Pembayaran sebanyak RM50.00 perlu dibuat di kaunter bayaran MPTI sebagai bayaran pemprosesan dokumen bagi setiap satu Zon.
- 2.3 Sila masukkan nombor rujukan tender serta nama syarikat semasa membuat Pembayaran di kaunter bayaran MPTI.  
- (contoh : **MPTI/P/20/2024-JPP/SP**)
- 2.4 Resit bayaran perlu dikepikan bersama dokumen tender sebagai bukti pembayaran. Bagi borang tender yang tidak disertakan dengan resit bayaran, dokumen tidak akan diproses.
- 2.5 Tarikh tutup untuk menghantar dokumen tender adalah pada atau sebelum **30/04/2024 (Selasa) jam 12.00 tengah hari**.
- 2.6 Mengemukakan Geran Asal jentera atas nama syarikat/pemilik syarikat berdasarkan keperluan bilangan jentera di dalam iklan sebut harga.  
**(Kegagalan mengemukakan Geran Asal jentera akan mengakibatkan sebut harga tidak akan dipertimbangkan)**.
- 2.7 Dokumen tender yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar di dalam Peti Tawaran di alamat berikut :

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (Peti Tawaran)**  
**Aras 1, Pintu 9**  
**Majlis Perbandaran Teluk Intan**  
**Jalan Speedy, 36000 Teluk Intan**

Majlis Perbandaran Teluk Intan tidak terikat untuk menerima dokumen tender yang terendah atau sebarang dokumen tender. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tawaran setelah Peti Tawaran dibuka.

**(ZAIRUL AKMAL BIN KASIM, PMP)**  
**Yang Dipertua**  
**Majlis Perbandaran Teluk Intan,**  
**Teluk Intan, Perak**



## **SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KERJA PEMBERSIHAN KAWASAN (PEMOTONGAN RUMPUT DAN KUTIPAN LONGGOKAN SISA KEBUN/SISA PUKAL)**

### **1. TAKRIFAN**

#### **1.1 LONGGOKAN SAMPAH**

Bermaksud sebarang bahan atau benda yang dibuang di hadapan atau di belakang sebarang premis/bangunan atau tempat-tempat awam, kawasan lapang, jalan atau di tepi-tepi jalan/bahu jalan termasuklah sisa-sisa perdagangan/perniagaan, sisa-sisa binaan serta sampah kebun termasuklah daun-daun, jejalar rumput, ranting, dahan, batang-batang pokok dari taman, atau tanah atau perkarangan sesuatu rumah/premis/bangunan dan termasuk juga najis-najis atau bangkai binatang. Tafsiran ini juga termasuklah daun-daun dan rumput rampai yang dipotong, perabot-perabot pecah yang dilonggokan atau dibuang di sebelah tapak tong awam atau tempat awam.

#### **1.2 PEMUNGUTAN LONGGOKAN SAMPAH-SARAP**

Bermaksud memungut, mengangkut dan membuang segala longgokan sampah kebun termasuk daun-daun, jejalar rumput, ranting, dahan, batang-batang pokok dari taman, atau tanah atau perkarangan sesuatu rumah/kedai/premis/bangunan dan termasuk juga najis-najis atau bangkai binatang. Termasuk juga daun-daun dan rumput rampai yang dipotong, perabot-perabot pecah yang dilonggokan atau dibuang di sebelah tapak tong awam atau tempat awam atau yang diarahkan oleh **MAJLIS**.



### **1.3 PEMOTONGAN RUMPUT**

Bermaksud memotong kesemua jenis rumput-rumpai, lalang dan semak samun di sepanjang bahu jalan dan tebing-tebing jalan/longkang dalam rezab jalan, termasuklah bulatan/pembahagi jalan, batas-batas/tembok, tanah-tanah lapang, taman-taman, padang-padang permainan dan lorong-lorong belakang dalam Kawasan Pembersihan atau mana-mana kawasan berkenaan. Kerja-kerja juga termasuk memotong rumput-rumpai yang menjalar ditepi jalan/dan dalam longkang dan memotong/memendek/merata bahu/tepi jalan dan menyapu/membersihkan rumput rumpai/sampah-sarap serta membuangnya ke tempat pelupusan/pembuangan sampah Majlis.

### **1.4 PENYAPUAN KAWASAN**

Bermaksud menyapu, membersihkan dan mengangkat kesemua kotoran dan sampah-sarap di atas kesemua jalan awam, lorong-lorong, tempat-tempat awam dalam kawasan atau kawasan-kawasan berkenaan dan termasuklah membuang rumput/semak samun, pasir disepanjang bebendul jalan, pembahagi jalan dan mengangkat benda-benda yang menghalang dalam longkang.

## **2. BIDANG KERJA**

### **2.1 PEMUNGUTAN DAN PEMBUANGAN LONGGOKAN SAMPAH**

2.1.1 Pemungutan dan pembuangan longgokan sampah-sarap dari tapak tong sampah awam, pasar awam, pasar persendirian, pasar harian, pasar malam, atau apa-apa tempat-tempat awam dalam Kawasan Pembersihan atau mana-mana yang berkaitan di kawasan-kawasan yang berkenaan.

2.1.2 Mengangkut dan membuang sampah kebun termasuklah sisa-sisa tebaran seperti dahan-dahan/ranting, batang-



batang pokok serta apa-apa bahan buangan atau longgokan yang ditinggalkan/diletak di hadapan atau di belakang sebarang premis/bangunan, tepi-tepi jalan atau lorong, di atas bahu jalan dan tempat-tempat awam dalam Kawasan Pembersihan dan termasuklah najis atau bangkai binatang. Bagi maksud menjalankan kerja-kerja ini Kontraktor hendaklah memastikan supaya kawasan-kawasan tersebut dijaga dalam keadaan bersih pada setiap masa.

- 2.1.3 Kesemua sampah-sarap yang dipungut hendaklah dibuang ke tempat pelupusan sampah Majlis atau di tempat pembuangan yang diluluskan oleh Majlis.
- 2.1.4 Sampah-sarap hendaklah sentiasa dalam keadaan bertutup semasa dalam perjalanan atau ke tempat pembuangan/pelupusan sampah.

## 2.2 PEMOTONGAN RUMPUT

- 2.2.1 Kontraktor hendaklah membekalkan pekerja, alat-alatan, mesin-mesin rumput dan sebagainya untuk memotong kesemua jenis rumput rampai dan semak samun di tanah-tanah lapang, padang-padang permainan, taman-taman, tempat-tempat awam
- 2.2.2 Rumput hendaklah dipotong pendek (lebih kurang 2 inci dari permukaan tanah), cermat dan kemas pada setiap masa dengan menggunakan mesin pemotong rumput untuk memastikan pandangan yang bersih dan sama rata ke tahap yang memuaskan. Jika terdapat semak samun, pemotongan hendaklah dibuat sama rata atau ditebas rapat dengan menggunakan parang atau lain-lain peralatan yang sesuai.
- 2.2.3 Penggunaan jentera atau traktor tidak dibenarkan kecuali apabila memotong rumput di kawasan tanah lapang/padang-padang permainan.





2.2.4 Kontraktor hendaklah terlebih dahulu mengangkat dan membuang kesemua sampah-sarap daripada kawasan kerja termasuklah sampah kebun, batu-batu, tin, botol, kertas, beg plastik, kotak dan sebagainya atau apa-apa yang dibuang di atas bahu jalan supaya kawasan itu berada dalam keadaan bersih, kemas dan rapi sebelum kerja-kerja pemotongan rumput dijalankan. Kerja-kerja ini juga hendaklah dijalankan selepas kerja kerja pemotongan rumput selesai dilaksanakan.

2.2.5 Kesemua rumput rampai dan semak samun yang dipotong daripada kawasan kerja termasuklah sampah-sarap hendaklah disapu/dibersihkan serta dikumpul dan seterusnya dibuang ke tempat pembuangan/pelupusan sampah Majlis atau di tempat pembuangan yang diluluskan oleh Majlis. **SEBARANG PEMBAKARAN RUMPUT ATAU SAMPAH-SARAP ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**

2.2.6 Kontraktor hendaklah memastikan kesemua rumput rampai dan semak samun dalam Kawasan Pembersihan sentiasa dalam keadaan pendek dan kemas pada setiap masa ke tahap yang memuaskan.

### **2.3 PENYAPUAN**

Bermaksud menyapu, mengangkat dan membuang segala kotoran dan sampah- sarap atau apa-apa bahan yang dibuang di atas tapak perniagaan sementara.

### **3. PENGANGKUTAN KE TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH**

Kontraktor hendaklah memastikan tidak ada apa-apa sampah atau bahan yang diangkut dari pusat-pusat pemungutan atau hasil kerja dalam kawasan kerja ketapak pembuangan tercicir, bocor, tumpah, tiris dan sebagainya ke atas mana-mana jalan raya awam atau mana-mana juga tempat semasa dalam



perjalanan ke tempat pembuangan. Kontraktor juga hendaklah mengambil tanggungjawab meneliti supaya menutup sampah-sarap dengan plastik atau apa-apa bahan penutup lain yang sesuai semasa dalam perjalanan ke tempat pembuangan.

#### **4. JADUAL / KEKERAPAN KERJA**

##### **4.1 PEMUNGUTAN SAMPAH DALAM KAWASAN PEMBERSIHAN**

Semua longgokan sampah tanpa kebenaran atau apa-apa bahan buangan daripada semua tempat-tempat awam di dalam Kawasan Pembersihan.

#### **PEMUNGUTAN SEMINGGU SEKALI/ATAU APABILA PERLU DAN DI ARAHKAN OLEH MAJLIS**

##### **4.2 PEMOTONGAN RUMPUT**

4.2.1 Kesemua rumput rampai serta semak samun di taman-taman bunga, padang/taman permainan kanak-kanak, kawasan taman-taman perumahan, kawasan lapang atau mana-mana tempat awam yang lain dalam Kawasan Pembersihan - **HENDAKLAH DIPOTONG SEBULAN 2 KALI (POTONG DUA (2) INCI DARI PERMUKAAN TANAH) DAN SENTIASA DALAM KEADAAN BERSIH DAN KEMAS.**

#### **5. BURUH JENTERA DAN PERALATAN KERJA**

##### **5.1 SYARAT –SYARAT AM**

5.1.1 Kontraktor hendaklah mengadakan pekerja-pekerja yang mencukupi bagi kerja-kerja yang akan dijalankan di bawah Kontrak dengan perbelanjaan sendiri.

5.1.2 Bagi maksud kesempurnaan menjalankan kerja-kerja, Kontraktor hendaklah memastikan segala peralatan, kenderaan dan jentera-jentera itu sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Jika berlaku



kerusakan dan sebagainya, gantian hendaklah dibuat segera bagi meneruskan kerja-kerja tersebut.

- 5.1.3 Majlis mempunyai budi bicara untuk meminta Kontraktor menambahkan bilangan kenderaan / jentera, peralatan dan pekerja jika didapati bilangan yang disediakan tidak mencukupi dari masa kesemasa tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

## **5.2 JENTERA / KENDERAAN / LORI**

5.2.1 Bagi menjalankan kerja-kerja pengangkutan longgokan sampah, Kontraktor dikehendaki menyedia dan menggunakan lori bertutup yang diluluskan untuk mengangkut sampah-sarap tertentu seperti sampah-sarap kebun / taman, dahan-dahan pokok, longgokan sampah/hasil kerja atau sisa buangan lain di dalam Kawasan Pembersihan. Segala kos penyewaan atau sesuatu yang berkaitan dengannya adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kontraktor dengan perbelanjaan sendiri.

5.2.2 Lori tersebut hendaklah sentiasa dalam keadaan tertutup supaya tiada sampah-sarap terjatuh atau tercicir semasa dalam perjalanan. **KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN INI BOLEH DIKENAKAN BAYARAN GANTI ROSAK RM100.00 SEHARI.**

5.2.3 Jika terdapat mana-mana kenderaan / jentera / lori sampah Kontraktor rosak atau tidak dapat berfungsi sepenuhnya untuk menjalankan kerja-kerja, Kontraktor hendaklah bertanggungjawab menggantikan dengan kenderaan / lori lain dengan perbelanjaan- sendiri bagi meneruskan kerja-kerja tersebut.

## **5.3 PAKAIAN SERAGAM**

Kontraktor dikehendaki menyediakan pakaian seragam yang cukup serta sarung tangan, kasut dan lain-lain peralatan



tersebut yang sesuai kepada setiap pekerja mereka. Warna pakaian tersebut hendaklah berbeza dengan warna pakaian seragam yang digunakan oleh Majlis mengikut jenis yang diluluskan dan hendaklah diletakkan nama syarikat berkenaan disebelah belakang baju/pakaian tersebut. **KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN PEMBERIAN DAN PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM BOLEH DIKENAKAN BAYARAN GANTI ROSAK RM100.00 SEHARI.**

#### **5.4 TENAGA PEKERJA**

5.4.1 Bagi maksud menjalankan kesemua pekerjaan di bawah Kontrak ini, Kontraktor hendaklah setiap masa mengadakan / menyediakan tenaga pekerja termasuk penyelia, pemandu dan pekerja am.

5.4.2 Majlis mempunyai budi bicara dan berhak meminta Kontraktor menambahkan bilangan pekerja sekiranya didapati tidak mencukupi untuk menjalankan atau menyempurnakan kerja-kerja Kontrak.

5.4.3 Bilangan pekerja boleh dikurangkan dengan syarat jika Kontraktor dapat membuktikan sistem kerja yang dilaksanakan itu lebih cekap dan berkesan.

5.4.4 Jika didapati pekerja-pekerja Kontraktor tidak hadir, bercuti atau berhenti maka Kontraktor hendaklah bertanggungjawab menggantikannya segera dengan pekerja lain supaya kerja-kerja yang dijalankan itu tidak terjejas. **KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN UNTUK MEMBUAT GANTIAN BOLEH DIKENAKAN BAYARAN GANTI ROSAK RM100.00 SEHARI.**

#### **6. PERWAKILAN KONTRAKTOR**

Bagi maksud kesempurnaan dan kelicinan perjalanan kerja di dalam Kontrak ini, Kontraktor hendaklah melantik seorang wakil atau penyelia yang bertanggungjawab untuk menguruskan dalam apa-apa arahan yang diberi kepada wakilnya itu oleh pegawai Majlis yang diberi kuasa



olehnya atau wakilnya yang diberi kuasa hendaklah dianggap sebagai telah diberikan kepada Kontraktor.

#### **7. PEKERJA YANG TIDAK MEMUASKAN**

Majlis pada bila-bila masa berhak meminta mana-mana pekerja Kontraktor diberhentikan kerja jika didapati bahawa pekerja itu tidak sesuai bekerja dengan Kontraktor, prestasi kerja tidak memuaskan atau merosakkan imej Majlis.

#### **8. GANGGUAN / HALANGAN**

Kontraktor hendaklah memastikan tidak ada sebarang gangguan atau halangan kepada orang awam atau harta benda semasa melaksanakan kerja-kerja tersebut. Jika disabit kesalahan ini maka pihak Majlis boleh mengambil tindakan di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada.

#### **9. KESEMPURNAAN KERJA**

9.1 Bagi maksud kesempurnaan kerja-kerja di bawah Kontrak ini, kesemua pekerja hendaklah pada setiap masa melaksanakan kerja tersebut ke tahap kebersihan yang memuaskan hati pihak Yang Dipertua, pegawai yang diberi kuasa olehnya atau wakilnya yang diberi kuasa mengikut syarat-syarat dan penentuan sebagaimana diarahkan.

9.2 Sekiranya kerja-kerja tidak dijalankan dengan tidak memuaskan, maka Majlis berhak mengambil mana-mana tindakan berikut:

9.2.1 Enggan membayar perkhidmatan bulanan;

9.2.2 Membuat potongan bayaran seperti di bawah **Perenggan**

**10** (Potongan Bayaran) Spesifikasi Perkhidmatan Kerja Kontrak; atau

9.2.3 Menamatkan Kontrak dengan memberi notis bertulis selama **tiga puluh (30) hari**.

#### **10. POTONGAN BAYARAN**



- 10.1 Jumlah potongan dan denda yang dibuat ke atas kerja-kerja yang tidak dijalankan atau tidak memuaskan akan ditolak daripada jumlah asal harga Kontrak sebulan, semasa bayaran pada bulan berkenaan dibuat.
- 10.2 Kadar Potongan Bayaran Dibuat Seperti Berikut: (Rujuk **Lampiran B** dalam **Dokumen Sebut harga**) - **Jadual Pecahan Kadar Harga**.
- 10.3 Jika sampah-sarap atau hasil kerja tidak dibuang ke tempat pembuangan sampah yang ditetapkan oleh Majlis atau jika didapati Kontraktor membuangnya di mana-mana tempat/kawasan lain atau diluar daripada Kawasan Pembersihan – **SAMPAH-SARAP / HASIL KERJA YANG DIBUANG ITU TIDAK AKAN DIBAYAR.**

## **11. AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969**

- 11.1 Kontraktor mestilah dalam tempoh **empat belas (14) hari** daripada tarikh pemberitahuan bahawa tawarannya telah diterima atau dalam mana-mana tempoh dilanjutkan sebagaimana yang dibenarkan secara bertulis oleh Yang Dipertua dan sebelum dokumen-dokumen Kontrak ditandatangani, dikehendaki supaya pekerja-pekerja yang diambil bekerja di dalam Kontrak ini diberi perlindungan di bawah **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969**. Dalam hal demikian, Kontraktor hendaklah mendaftarkan pekerja-pekerjanya dan mencarumkan dibawah Skim Keselamatan Sosial (PERKESO) dan mematuhi peruntukan-peruntukan Akta tersebut. Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Penguasa Nombor Kod dan Nombor-nombor Keselamatan Sosial semua pekerja untuk diperiksa.
- 11.2 Kontraktor hendaklah membayar semua caruman dari semasa kesemasa pada hari pertama caruman itu sepatutnya dibayar dan sehingga tamat Kontraknya.



- 11.3 Jika Kontraktor melakukan apa-apa kemungkiran pada mematuhi terma-terma ini, Majlis atau Pegawai Penguasa boleh tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain yang ada pada Majlis kerana pelanggaran terhadap mana-mana klausa Kontrak ini:
- (i) Menahan sejumlah wang dari apa-apa wang yang jika tidak kerana kemungkiran itu kena dibayar kepada Kontraktor di bawah Kontrak ini dan yang pada pendapat Pegawai Penguasa akan menjelaskan apa-apa tuntutan pampasan oleh pekerja-pekerja yang sepatutnya ditanggung oleh Skim PERKESO jika Kontraktor tidak melakukan kemungkiran dalam menyelenggarakan caruman, dan/tidak
  - (ii) Membayar apa-apa caruman yang genap masanya dibayar dan masih belum dibayar dan memotong amaun caruman itu dari apa-apa wang yang kena dibayar atau genap masanya kena dibayar kepada Kontraktor.

## **12. INSURANS LIABILITI AWAM**

- 12.1 Kontraktor hendaklah mengambil Insurans Liabiliti Awam untuk melindungi Majlis daripada apa-apa tuntutan pihak ketiga. Salinan asal sijil hendaklah dikemukakan kepada Majlis.

## **13. MASA BEKERJA**

- 13.1 Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja-kerja di bawah Kontrak ini mengikut masa-masa yang dibenarkan oleh Majlis iaitu bermula **jam 7.00 pagi hingga 5.00 petang** atau sebagaimana yang diarahkan dari masa ke semasa. Sekiranya masa-masa bekerja tersebut tidak mencukupi untuk menyempurnakan kerja-kerja, Kontraktor hendaklah menyambung kerja-kerjanya dalam waktu tambahan. Majlis boleh menghendaki kerja-kerja dijalankan pada hari Ahad dan hari-hari Kelepasan Am lain sekiranya difikirkan perlu.



13.2 Dalam hal-hal yang tertentu semasa tempoh Kontrak ini berkuatkuasa, Kontraktor boleh mengubah waktu bekerja mengikut kesesuaian berdasarkan jenis pekerjaan yang akan dilakukan dengan kebenaran bertulis daripada pihak Majlis atau sebagaimana diarahkan dari masa ke semasa.

#### **14. KONTRAK MENGANGKUT SAMPAH YANG MASIH BERKUATKUASA**

Bagi kawasan taman-taman perumahan atau mana-mana tempat tertentu dalam kawasan Kontrak ini terdapat kontrak mengangkut sampah atau lain-lain kerja kontrak yang masih berkuatkuasa, kerja-kerja tersebut tidaklah termasuk di bawah bidang kerja dalam Kontrak ini.

#### **15. SYARAT-SYARAT LAIN**

15.1 Syarat-syarat tambahan lain yang tidak termasuk atau tidak dinyatakan secara terperinci di dalam **Spesifikasi Perkhidmatan Kerja Kontrak** ini adalah tertakluk kepada arahan Majlis dari masa ke semasa.

15.2 Majlis berhak pada bila-bila masa untuk membuat potongan bayaran ke atas bayaran bulanan Kontrak pembersihan ini tanpa sebarang notis kepada Kontraktor sekiranya Kontraktor mempunyai apa jua tanggungan lain dengan pihak Majlis, sungguhpun kerja Kontrak ini telah disempurnakan dengan baik. Potongan akan terus dibuat sehingga semua tanggungan tersebut selesai.

15.3 Kontraktor dikehendaki mengemukakan penyata akaun bank kepada Majlis.





**16. MAKLUMAT KERJA**

Maklumat-maklumat berkaitan dengan kerja-kerja Kontrak/ spesifikasi/ pelan kawasan boleh didapati dengan menghubungi:

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN  
JALAN SPEEDY  
36000 TELUK INTAN  
PERAK DARUL RIDZUAN.  
(u.p: BAHAGIAN PEMBERSIHAN)**

**NO. TEL: 05-6221277 / 05-6221299**



BIL	ZON A2
1	Perumahan Off Jalan Padang - Jalan Changkat Jong
2	Kedai 2 Tingkat - Restoran Man Chong - Jalan Changkat Jong
3	Taman Sri Changkat Jong - Jalan Changkat Jong
4	Taman Aman - Jalan Changkat Jong
5	Perumahan Depan Sek. Ren. MGS - Jalan Changkat Jong
6	Kg. Guru - Jalan Changkat Jong
7	Perumahan belakang rumah Dr. Appu - Jalan Changkat Jong
8	Perumahan berhampiran Kg. Muhibbah - Jalan Changkat Jong
9	Perumahan Lorong Limau G4/1 - Jalan Changkat Jong
10	Taman Impian - Jalan Manggis
11	Taman Changkat Intan - Jalan Changkat Jong
12	Taman Fajar Indah/Belakang Balai Polis - Jalan Manggis
13	Taman Intan Jaya - Jalan Manggis
14	Taman Intan Aman - Jalan Manggis
15	Kg. Muhibbah - Jalan Changkat Jong
16	Taman Rethna - Jalan Manggis/Jalan Changkat Jong
17	Taman Manggis - Jalan Manggis
18	Taman Makmur - Jalan Manggis
19	Jalan Manggis
20	Jalan Mustaffa Albakri
21	Blok Hotel Sri Bandar – Jalan Sultan Abdullah
22	Pangsa Riang – Jalan Sultan Abdullah
23	Taman Desa Ria – Jalan Sultan Abdullah
24	Taman TAP (46 unit) – Jalan Sultan Abdullah
25	Taman Merbok Termasuk Pangsapuri Kota Ria
26	Perumahan Kedai Ipoh Enterprise Jalan Sultan Abdullah
27	Kedai Safety Bateri Dan Perumahan Belakang
28	Kedai PT.502,503,504 – Jalan Sultan Abdullah
29	Taman Antek Avenue - Jalan Sultan Abdullah
30	Taman Hoover(Baru/lama ) – Jalan Sultan Abdullah
31	Taman Zahari Zabidi – Jalan Sultan Abdullah
32	Taman Teluk Intan I – Jalan Sultan Abdullah
33	Taman Teluk Intan II – Jalan Sultan Abdullah
34	Taman Maju Intan – Jalan Sultan Abdullah
35	Taman Juta Intan – Jalan Sultan Abdullah
36	Taman Juta Intan II – Jalan Sultan Abdullah
37	Taman Impiana I – Jalan Sultan Abdullah
38	Taman Impiana II – Jalan Sultan Abdullah
39	Taman Sri Jaya – Jalan Sultan Abdullah
40	Taman Sinar Jaya – Jalan Sultan Abdullah
41	Taman Indah Jaya – Jalan Sultan Abdullah
42	Taman Indah Jaya II – Jalan Sultan Abdullah



<b>BIL</b>	<b>ZON A2</b>
43	Taman Ros – Jalan Sultan Abdullah
44	Jalan Merbok
45	Taman Merbok Jaya – Jalan Merbok
46	Medan Sungai Perak (Courts Mamouth) – Hadapan Rumah DO
47	Imperial Centre Business Park – Jalan Maharajalela
48	Taman Orkid dan kedai – Jalan Maharajalela
49	Taman Lucky – Jalan Maharajalela
50	Hong Kong Park – Jalan Maharajalela
51	Kean Seng Park – Jalan Maharajalela
52	Jalan Maharaja Lela
53	Taman Industri MPTI - Jalan Maharajalela
54	Kawasan Bangunan Koperasi (4) dan Bengkel SKOMK
55	Perumahan belakang Kampung Esso
56	Jalan Siputum
57	Industri Teres Lot 1046 - Jalan Maharajalela
58	Jalan Kastam off Jalan Maharajalela
59	Kilang Milamineware - Jalan Maharajalela
60	Jalan Setor Kastam – Jalan Maharajalela
61	Restoran 99 City
62	Medan Selera City Mewah – Jalan Padang Tembak
63	Jalan Padang Tembak - (dari Jalan Maharajalela - parit JPS)/Lot 15450



## BORANG TAWARAN

Dokumen Dan Lampiran Yang Telah Lengkap Diisi Yang Perlu Dikembalikan Seperti Berikut :

1. Lampiran A
2. Lampiran B
3. Lampiran C
4. Lampiran D
5. Lampiran E
6. Lampiran F
7. Lampiran G
8. Surat Akuan Pembida (SPRM)
9. Resit Bayaran Pemprosesan
10. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (Kementerian Kewangan Malaysia) yang aktif
11. Salinan Perakuan Pembaharuan Pendaftaran Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
12. Penyata Kewangan Bank Untuk 3 Bulan Terkini
13. Lain-lain dokumen yang berkaitan

**Semua dokumen hendaklah di hantar pada atau sebelum 30/04/2024 jam 12.00 Tengah hari di dalam Peti Tender beralamat seperti berikut :**

**Majlis Perbandaran Teluk Intan  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran  
Aras 1, Pintu 9  
Jalan Speedy  
36000 Teluk Intan, Perak.**



**LAMPIRAN A**

Kepada

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Teluk Intan  
36000 Teluk Intan, Perak.

**BORANG JAWAPAN TAWARAN KONTRAK PERKHIDMATAN  
PEMBERSIHAN KAWASAN DALAM KAWASAN MPTI**

**( ZON : A2 )**

1. Kerja-kerja Pembersihan Kawasan (pembersihan longkang, pemotongan rumput, penyapuan dan pemungutan sampah kebun/sisa binaan dan sisa-sisa buangan lain seperti yang diarahkan)

Harga Tawaran Sebulan = RM \_\_\_\_\_ (Ringgit Malaysia  
 : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_ )

.....  
 (Tandatangan Kontraktor)  
 Kontraktor

.....  
 Nama dan Cop Rasmi

Nama Penuh : .....

No. K/Pengenalan : .....

Alamat Pejabat : .....  
 .....  
 .....

Alamat Rumah : .....  
 .....  
 .....

No. Telefon Pejabat: ..... No. h/p : :.....

No. Akaun Bank : .....

Tarikh : .....



## LAMPIRAN B

**ZON : A2****Pembersihan Kawasan**

Bil	Jenis Kerja	Kekerapan	Saiz Keluasan	Anggaran Kos	Harga Sebulan
1.	Pemotongan rumput padang permainan/ Tanah lapang	2 kali dalam sebulan	95,098m <sup>2</sup>	RM ..... /m <sup>2</sup>	RM ..... x 95,098m <sup>2</sup> = RM .....
2.	Kutipan sisa kebun dan sisa pukat	2 kali sebulan (2 minggu/1 pusingan)	75 Taman Perumahan (Anggaran 10 Longgokan Satu Taman Perumahan)	RM ..... /longgok	RM ..... x 75 x 2 x 10 Longgokan Satu Taman = RM .....
3.	Pemotongan rumput rizab jalan perkhidmatan	2 kali sebulan	12,083m <sup>2</sup>	RM ..... /m <sup>2</sup>	RM ..... x 12,083m <sup>2</sup> = RM .....
4.	Sapuan jalan hadapan Pusat Komersial	30 hari	27,109m <sup>2</sup>	RM ..... /m <sup>2</sup>	RM ..... x 27,109m <sup>2</sup> = RM .....
<b>Jumlah Keseluruhan : RM .....</b>					

- Pecahan harga dan jumlah sebulan mestilah sama dengan **LAMPIRAN A**



**LAMPIRAN C**

MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN  
36000 TELUK INTAN

**MAKLUMAT SYARIKAT**

BUTIR-BUTIR SYARIKAT

1. Nama Syarikat : .....
2. Alamat syarikat/No. Telefon .....
3. No. Pendaftaran Syarikat.....  
(Sila lampirkan Salinan Pendaftaran Syarikat/ salinan Pendaftaran Perniagaan)
4. Modal Berbayar : RM ..... Peratus : .....
5. Nama-nama Pemegang Saham                      Jumlah Saham  
    Peratus  
.....  
.....  
.....
6. Nama-nama Pemegang Saham                      Nama Penandatanganan  
    Syarikat  
a) .....                      a) .....  
b) .....                      b) .....  
c) .....                      c) .....  
d) .....                      d) .....
7. Bilangan Pekerja :  
.....  
.....  
.....  
.....



**LATAR BELAKANG**

1. Apakah bidang kerja syarikat?

.....

2. Sejak bila telah berdaftar di bawah Kementerian Kewangan?

.....

3. Pengalaman dalam perkhidmatan ini (sila sertakan salinan bukti)

.....

.....

.....

4. Pernahkah kontrak syarikat ditamatkan sebelum habis tempoh? Jika pernah berikan butir-butir dan sebab-sebab.

.....

.....

.....

5. Pernahkah berkhidmat dengan MPTI sebelum ini? (nyatakan tempoh kontrak tersebut)

.....

.....

.....

6. Penyata Bank Syarikat Bagi 3 bulan terakhir yang telah disahkan salinannya.

.....

.....

.....





## LAMPIRAN D

**BORANG MAKLUMAT BILANGAN PEKERJA**

Sila nyatakan bilangan pekerja yang akan diambil untuk tujuan kontrak ini.

<b>Bil</b>	<b><u>Bidang Kerja</u></b>	<b><u>Jawatan pekerja</u></b>	<b><u>Bilangan pekerja</u></b>	<b><u>Masa Kerja</u></b>
1.	Pemungutan, pengangkutan dan Pembuangan Sampah Kebun Sisa Binaan, Sisa Buangan lain.			
2.	<u>Pembersihan Longkang / Parit</u>			
3.	<u>Pemotongan Rumput</u>			
4.	<u>Penyapuan Kawasan dan Jalan</u>			
	<b>JUMLAH PEKERJA</b>			





**LAMPIRAN F**

**BORANG MAKLUMAT KENDERAAN / LORI**

<b>LORI JENIS TERBUKA (OPEN TIPPER)</b>	
<b>BIL.</b>	<b>MILIK SENDIRI</b>
<b>1.</b>	<b>Jumlah Unit : .....</b>
<b>2.</b>	<b>Model : .....</b>
<b>3.</b>	<b>No.Pendaftaran : .....</b>
<b>4.</b>	<b>Salinan Geran Asal Pemilik Syarikat&gt;Nama Syarikat : .....</b>
<b>5.</b>	<b>Salinan Cukai Jalan : .....</b>



**LAMPIRAN G**

<b>BIL.</b>	<b>BIDANG KERJA</b>	<b>JADUAL KERJA DAN CARA-CARA PERLAKSANAAN</b>



Kementerian Kewangan Malaysia

**SURAT AKUAN PEMBIDA  
KONTRAK PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KAWASAN  
(PEMOTONGAN RUMPUT DAN KUTIPAN LONGGOKAN SISA KEBUN/SISA PUKAL)**

Saya,..... nombor K.P.....  
yang mewakili ..... nombor Pendaftaran .....  
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Perbandaran Teluk Intan** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Perbandaran Teluk Intan** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama : .....

No. KP : .....

Cop Syarikat :

Catatan : i) \*Potong mana yang tidak berkenaan

ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa